

# Petunjuk jelas usaha reformasi Kerajaan MADANI buahkan hasil

**Kuala Lumpur:** Lonjakan membanggakan dalam Laporan Penarafan Daya Saing Dunia 2025 apabila naik 11 anak tangga berada pada kedudukan ke-23 disifatkan petunjuk jelas usaha reformasi Kerajaan MADANI sedang membuahkan hasil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pencapaian terbaik negara sejak li-

ma tahun lalu itu membuktikan Malaysia mampu melonjak jauh dengan tekad politik, iltizam seluruh jentera kerajaan dan kerjasama erat sektor swasta.

“Prestasi memberangsangkan dalam perdagangan, kecekapan pentadbiran dan persekitaran pelaburan menjadi asas kukuh kepada kemajuan eko-

nomi yang inklusif serta mampan.

“Pencapaian ini milik semua rakyat Malaysia. Ia antara asas penting dalam perjalanan kita meletakkan negara dalam kelompok ekonomi paling berdaya saing menjelang 2033 demi masa depan lebih cerah untuk anak kita,” katanya dalam Facebook.

Tahun lalu, Malaysia berada

pada tangga ke-34 dalam Laporan Penarafan Daya Saing Dunia 2024.

Sub-faktor yang menunjukkan lonjakan besar adalah Ekonomi Domestik meningkat 20 anak tangga di kedudukan ke 15 ketika ini.

Selain itu, Perdagangan Antarabangsa yang kini berada di kedudukan keenam selepas

naik 11 anak tangga.

Harga pula berada di kedudukan teratas iaitu nombor satu selepas naik satu anak tangga, manakala Produktiviti dan Kecekapan naik 19 anak tangga dan kini berada di kedudukan ke-34.

Pasaran Buruh pula mencatatkan kenaikan 11 anak tangga dan kini berada di kedudukan ke-23.